

12/04/1997

Britain mahu pelajari pengurusan negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Britain kini bukan lagi negara kolonial yang boleh mengarahkan negara jajahan mengikut telunjuknya, sebaliknya perlu belajar bagaimana negara seperti Malaysia menguruskan kejayaan mereka.

Presiden Persatuan British-Malaysia, Lord Prior, berkata Britain mengkagumi keberkesanan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengangkat martabat negara ini.

Menurutnya, ini termasuk pendirian Perdana Menteri terhadap demokrasi serta cara-cara untuk mengendalikannya.

"Kami sedar kejayaan Malaysia hari ini adalah atas daya usaha pemimpin serta rakyatnya yang mempunyai iltizam untuk membangun dan berdiri sama tinggi dengan penduduk lain.

"Oleh itu, kami mahu belajar dari anda bagaimana menguruskan negara dengan begitu baik, di samping melupakan perbezaan yang selama ini mungkin menghantui Britain sebagai negara kolonial," katanya pada mesyuarat Persatuan Malaysia-British dan British-Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Mengulas mengenai laporan media Britain terhadap negara ini, Lord Prior berkata beliau bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri supaya berita yang dilaporkan itu adil dan seimbang.

Menurutnya, sesetengah media terlalu melaungkan amalan demokrasi sehingga terlupa untuk mengamalkan demokrasi dalam tulisannya yang seringkali menyebabkan pertelingkahan pendapat.

Sementara itu, ketika ditemui, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, David Moss, berkata pihaknya mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri bahawa Malaysia menganggap Britain sebagai negara sahabat yang paling selesa.

Menurutnya, kenyataan itu membuktikan hubungan di antara Malaysia dan Britain semakin baik walaupun kadangkala berhadapan dengan isu besar.

Beliau turut bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri terhadap fungsi media dalam mewujudkan hubungan harmoni di antara negara.

Mengenai kerjasama di bidang agama, Moss berkata, beliau berpendapat bahawa Islam menganjurkan semua amalan baik seperti yang disampaikan oleh ajaran agama lain.

Menurutnya, langkah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) menganjurkan seminar dengan kerjasama University Oxford adalah amat baik bagi membolehkan orang ramai mendengar pandangan mengenai Islam daripada pelbagai perspektif.

Beliau turut mengalu-alukan cadangan Perdana Menteri supaya hubungan di antara Malaysia dan Britain tidak terikat kepada perdagangan semata-mata sahaja sebaliknya turut membabitkan kebudayaan dan sukan.

(END)